

BAB LIMA

BAB 5

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab lima merupakan bab penutup kepada kajian ini. Ia mengandungi dua bahagian iaitu kesimpulan dan saranan.

5.2 KESIMPULAN

Dalam membincangkan mengenai konsep *al-sakhā'* ini, penulis telah mencuba dengan bersungguh-sungguh untuk menulis dengan sebaik mungkin. Meskipun begitu, tidak dapat dinafikan masih terdapat beberapa kelemahan yang tidak dapat dielakkan. Dalam bab akhir ini penulis memaparkan kesimpulan dan saranan.

Al-sakhā' merupakan suatu sifat yang terpuji. Konsep ini berkaitan dengan bagaimana manusia memanfaatkan segala aset yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada mereka sama ada yang berbentuk material, spiritual, kemahiran dan lain-lain.

Dalam disertasi ini terdapat beberapa persoalan yang dikaji oleh penulis. Pertama: Perbincangan mengenai konsep *al-sakhā'*. Dalam masalah ini diterangkan maksud perkataan *al-sakhā'* menurut para sarjana dari segi bahasa

dan istilah. Terdapat beberapa maksud yang menggambarkan luasnya bidang *al-sakhā'* ini.

Kedua: Pandangan Islam terhadap konsep ini dengan membawa ayat-ayat suci al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w. beserta dengan penghuraianya. Seterusnya dibicarakan tentang keutamaan konsep *al-sakhā'* diikuti dengan had dan batas perlaksanaannya.

Ketiga: Huraian tentang pengertian, nilai serta penggunaan aset menurut perspektif Islam. Seterusnya dibentangkan beberapa contoh kisah para dermawan sejak zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat hingga kini.

Keempat: Pembentangan analisis hasil penyelidikan mengenai kefahaman, penghayatan dan pengamalan warga UiTM Shah Alam, Selangor terhadap konsep ini. Dipaparkan juga beberapa kaedah yang dicadangkan oleh responden untuk menggalakkan penghayatan sifat ini.

Berdasarkan kepada kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan. Di antaranya ialah:

1. Aset yang manusia miliki mempunyai nilai yang tinggi dan ia dapat mendatangkan kebaikan atau keburukan berdasarkan aktiviti pemiliknya.

2. Segala aset hendaklah diagih serta dibelanjakan terutama kepada orang yang memerlukan pertolongan. Terdapat berbagai-bagai cara penggunaan aset menurut perspektif Islam yang boleh diamalkan seperti sedekah, pinjaman, wakaf, derma dan sebagainya.

3. Sifat *al-sakhā'* amat digalakkan oleh Islam dan ia tidak hanya melibatkan aset harta benda sahaja bahkan semua anugerah Allah s.w.t. yang lain sama ada aspek fizikal, material, intelektual atau rohani.

4. *Al-īthār* iaitu mengutamakan orang lain adalah tingkat yang tertinggi dalam sifat *al-sakhā'* dan ia merupakan akhlak Rasulullah s.a.w.

5. Penghayatan dan pengamalan umat terdahulu terutama Rasulullah s.a.w. dalam konsep *al-sakhā'* ini hendaklah diteladani supaya umat Islam mendapat kebahagiaan dunia akhirat.

6. Terdapat banyak aspek yang menyebabkan manusia bersifat bakhil dan tidak mengamalkan konsep *al-sakhā'*. Di antaranya kerana manusia melupai bahawa sifat bakhil amat dibenci oleh Allah s.w.t. dan rasul-Nya, menyangka bahawa harta yang diusaha dan dimiliki adalah milik mutlak mereka, melupai tugas sebenar mereka di atas mukabumi ini serta jahil mengenai hak dan tanggungjawab sebagai seorang Islam terhadap golongan fakir, miskin, kaum kerabat, jiran

dan lain-lain, hilangnya perasaan bahawa segala aset yang dimiliki akan disoal di akhirat nanti, terperangkap dengan dosa dan maksiat yang menjadikan mereka lemah untuk mengorbankan aset dan sebagainya.

7. Hanya sebilangan kecil sahaja kakitangan UiTM, Shah Alam yang memahami konsep *al-sakhā'*. Mereka juga menghayati dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian dengan pelbagai cara tetapi kebanyakannya lebih tertumpu kepada amalan berderma dan bersedekah yang melibatkan aset wang dan harta.

5.3 SARANAN

Di sini penulis menyarankan beberapa cadangan untuk memahami dan mengamalkan konsep *al-sakhā'*. Di antaranya ialah umat Islam perlu disedarkan bahawa:

1. Segala aset yang dimiliki bukanlah hak mereka sepenuhnya bahkan merupakan hak fakir, miskin, anak-anak yatim dan lain-lain yang perlu diberikan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah s.w.t.
2. Sifat pemurah disukai Allah s.w.t., malaikat serta masyarakat. Ia tercatat di dalam al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

3. Harta yang terkumpul di tangan orang yang mengamalkan konsep *al-sakhā'* akan diberkati dan disucikan.

4. Hati-hati yang dermawan adalah hati yang lembut. Dengan adanya sifat pemurah lahirlah kemanisan untuk berzikir, membaca al-Quran, kasih sayang sesama manusia dan makhluk Allah s.w.t. yang lain.

5. Setiap umat Islam hendaklah mengamalkan sifat *qanā'ah* iaitu merasa cukup dengan apa yang ada yang telah ditakdirkan oleh Allah s.w.t.

6. Dalam membanteras keinginan manusia untuk terus hidup di dunia ini bagi mencapai segala keinginan mereka hendaklah sentiasa mengingati mati atau menginsafi diri apabila menziarahi sahabat atau saudara mara yang meninggal dunia.

7. Mereka perlu mengambil pengajaran daripada kisah-kisah umat Islam yang menghayati konsep *al-sakhā'* iaitu dari Rasulullah s.a.w., para sahabat baginda dan alim ulama. Di samping menerangkan celaan dan ancaman Allah s.w.t. terhadap orang yang kedekut.

8. Apabila timbul keinginan untuk membelanjakan harta kekayaan kepada amal kebajikan, maka hendaklah disegerakan kerana jika

ditangguhkan syaitan akan melakukan tipu dayanya dengan cara menghasut, menakut-nakutkan pemilik harta dan sebagainya.

Akhirnya, penulis ingin berpesan kepada diri penulis sendiri dan kepada semua umat Islam, hendaklah ada dalam diri sifat-sifat yang terpuji terutama sifat *al-sakha'*. Ini kerana ia adalah di antara sifat yang terpenting dan dimuliakan. Mudah-mudahan segala kurniaan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada umat Islam mendapat keberkatan.

Wallahu a'lam.